

# ePemula RM150, pupuk transaksi tanpa tunai

**CYBERJAYA:** Bantuan ePemula sebanyak RM150 kepada belia berusia 18 hingga 20 tahun yang mula dikreditkan ke dalam e-dompot penerima bakal memupuk budaya transaksi tanpa tunai di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengkreditan bantuan tersebut sudah dimasukkan sejak 11 April lalu dan ia bakal memanfaatkan kira-kira dua juta belia.

"Empat e-dompot iaitu BigPay, GrabPay, ShopeePay atau Touch 'n Go eWallet turut memberikan insentif tambahan dalam bentuk baucar, mata terkumpul, diskaun dan manfaat menarik sepanjang tempoh program ini.

"Kerajaan berharap melalui ePemula, golongan belia berbelanja secara bijak dan menggunakan kredit RM150 tersebut untuk menyokong perniagaan pengusaha tempatan, terutamanya usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) secara *offline* agar mereka dapat pulih sepenuhnya," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran e-Pemula di sini semalam.

Menurut beliau, sekiranya lebih banyak perniagaan pulih, lebih banyak hasil negara dan lebih ramai rakyat, terutamanya golongan B40 yang boleh dibantu.



**ISMAIL Sabri Yaakob dan Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz pada Majlis Pelancaran ePemula di Cyberjaya semalam. - UTUSAN/AISOL MUSTAFA**

Secara keseluruhan, kata beliau, kerajaan yakin bahawa program ePemula akan terus memperkasa dan membudayakan sistem kewangan digital bagi memastikan kemajuan yang inklusif buat semua lapisan rakyat dan perniagaan.

Pada masa sama, Perdana Menteri menyarankan kesemua usahawan, khasnya PMKS supaya mengamalkan urus niaga tanpa tunai terutamanya ketika fasa peralihan ke endemik untuk

mbolehkan Keluarga Malaysia melakukan transaksi di kedai-kedai fizikal secara mudah, cepat dan lebih selamat.

Bagi pembeli pula, mereka tidak perlu lagi membawa dompet atau beg duit fizikal apabila sumber kewangan sentiasa ada dalam aplikasi e-dompot masing-masing.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, keempat-empat e-dompot yang

mengambil bahagian melalui ePemula boleh digunakan melalui jaringan perniagaan runcit yang melebihi 1.2 juta *touchpoints*.

Katanya, jaringan yang luas ini akan memastikan pelaksanaan ePemula secara menyeluruh di seluruh negara, termasuk di bandar-bandar kecil, seterusnya memanfaatkan lebih ramai belia dan pelajar, selain membudayakan satu sistem pembayaran tanpa tunai yang lebih mudah, telus dan selamat.